

**Islam Bukan Untuk Kepentingan Politik, Kata Shafie Apdal  
Bernama  
27 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Shafie Apdal Selasa mengingatkan sesetengah pihak supaya tidak memanipulasikan Islam demi kepentingan politik mereka.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, berkata perbuatan tidak bertanggungjawab pihak berkenaan selalunya berlaku menjelang musim pilihan raya.

"Apabila semakin dekat dengan pilihan raya timbul pelbagai perkara seperti soal hukum hudud. Kalau tidak ada pilihan raya, hukum hudud tidak timbul. Kita dapat lihat dengan jelas perkara ini," katanya kepada pemberita selepas menutup Kongres Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia Kali Pertama di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini Selasa.

Shafie turut bersetuju dengan titah Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah yang memberi peringatan dan menegaskan Islam tidak seharusnya dijadikan alat untuk meraih pengaruh atau kuasa sehingga menyentuh akidah.

"Ini penting supaya tidak ada pihak yang bertelingkah atau berbalah kerana berbeza pendapat," katanya.

Semalam Raja Nazrin bertitah prinsip-prinsip asas terutamanya yang menyentuh Islam dan Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan negara tidak boleh dikompromi sama sekali.

Sementara itu, sebanyak 20 resolusi yang diputuskan pada kongres dua hari itu akan dipersembahkan kepada Majlis Raja-Raja.

Resolusi itu merangkumi bidang ekonomi, pendidikan dan perundangan ke arah melaksanakan hasrat untuk memperkasakan Majlis Agama Islam di negara ini.

Kongres yang disertai 1,351 anggota perwakilan dianjurkan bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan Majlis Agama Islam Negeri.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=616176>